



Menghayati Makna Merdeka Bersama Wira Kehidupan Sebenar.

Sempena Merdeka 2025, saksikan kisah benar rakyat Malaysia yang bangkit membina semula kehidupan mereka.
Dengarkan suara mereka. Hayati semangat juang mereka.

Tonton dan saksikan kisah
pilihan anda.

BERI SOKONGAN ANDA



4 September 2025, 9:45 am



LOG MASUK



PEMIKIRAN BAHARU Utusan Malaysia

LOG MASUK LANGGAN



Zainani Jusoh dilantik Akauntan Negara baharu



ZAINANI JUSOH



Wanita Jumpa Trik Jana RM9k
Seminggu

PRO QUNTUM AI



PUTRAJAYA: Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Jabatan Akauntan Negara (JANM), Zainani Jusoh dilantik sebagai Akauntan Negara yang baharu berkuat kuasa hari ini.

Pelantikan beliau bagi menggantikan Akauntan Negara sebelum ini yang telah bersara wajib, semalam.

JANM dalam kenyataan memaklumkan, surat pelantikan beliau disampaikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar kepada anak kelahiran Tanah Merah, Kelantan itu berdasarkan pengalaman luas dalam pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam serta pembangunan sistem perakaunan kerajaan.

"Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan merupakan ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan ahli The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

"Beliau juga berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM)," katanya hari ini.

Menurut JANM, Zainani berpengalaman sebagai penjawat awam lebih daripada 30 tahun apabila mula menyertai sektor awam pada tahun 1994 sebagai Akauntan di Pasukan Petugas Sistem Perakaunan Mikro, JANM.

Katanya, sepanjang perkhidmatannya, beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan dan Kementerian antaranya Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Antara sumbangan besar beliau dalam pembangunan sistem perakaunan kerajaan adalah terlibat dalam menukar landskap pengurusan perakaunan di kedutaan Malaysia luar negara dari manual kepada pendigitalan.

"Perubahan yang besar ini membantu pengurusan kewangan di semua kedutaan Malaysia dapat diuruskan dengan lebih cekap, tepat dan cepat," katanya.

Sebelum dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) pada September 2023, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Khidmat Perunding JANM dan Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan pada tahun 2019 sehingga tahun 2023. – UTUSAN

Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di



Wanita Jumpa Trik Jana RM9k Seminggu



PRO QUNTUM AI

